



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "SIFAT MALU LAMBANG KETAKWAAN DAN INTEGRITI PEKERJA MUKMIN"

6 Mei 2022 / 5 Syawal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الْدِينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ  
بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَىٰ أَلِهٖ وَأَصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْ صِنْكُومُ وَإِيَّايَ بِتَنْتَوْيِ  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena Hari Pekerja, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### "SIFAT MALU LAMBANG KETAKWAAN DAN INTEGRITI PEKERJA MUKMIN"

Firman Allah SWT:

﴿يَبْنَىٰ عَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ  
عَائِدَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ﴾ (٢٦)

Bermaksud: Wahai anak-anak Adam! Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian bagi menutup aurat kamu dan juga (diturunkan) pakaian perhiasan; dan (ketahuilah) pakaian takwa (malu) itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda (kurniaan) Allah supaya mereka mengenangnya. (Surah Al-Araf: 26)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Menurut Imam al-Tabari dalam tafsirnya, ungkapan “ولباس الشفوي” memberi maksud iman dan sifat malu. Sifat malu merupakan sebaik-baik pakaian, pelindung diri seseorang manusia. Malu merupakan ciri penting yang perlu dimiliki oleh setiap Muslim. Ibn Hajar mentakrifkan malu sebagai akhlak yang dimiliki seseorang untuk menjauhi perkara keji dan kelakuan mengaibkan. Sifat malu, ditegaskan oleh baginda Nabi SAW dalam mafhum sebuah hadis bahawa setiap agama yang diutus itu mempunyai prinsip akhlak, dan akhlak Islam itu ialah sifat malu.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Imam al-Mawardi membahagikan sifat malu kepada tiga jenis;

**Pertama:** Malu kepada Allah SWT

**Kedua:** Malu kepada orang sekeliling

**Ketiga:** Malu kepada diri sendiri

Malu kepada Allah SWT adalah malu paling utama, iaitu memelihara akal, menjaga sumber rezeki dan sentiasa mengingati mati. Sifat-sifat ini, kini bagaikan semakin terhakis. Punca lahirnya salah guna kuasa, rasuah dan pengkhianatan dalam kalangan masyarakat, merupakan natijah daripada terhakisnya perasaan malu. Hari ini umat Islam sudah semakin kurang memiliki sifat malu, lalu tergamak melakukan pelbagai kemungkaran, berlaku dalam pelbagai bidang tugas dan pekerjaan, merangkumi sebahagian agamawan, ahli politik, penjawat awam dan pekerja swasta. Tanpa segan silu dan jauh daripada rasa berdosa, segelintir umat Islam, bersifat tamak, berperangai rakus, sanggup menipu dan berbohong semata-mata untuk merebut kekayaan dan mencari pengaruh, serta mengamalkan sifat-sifat yang mementingkan diri sendiri.

Akibat dari hilangnya perasaan malu, budaya rasuah dan salah guna kuasa mahu dijadikan kebiasaan dalam dunia pekerjaan dan kehidupan harian. Kalau dahulu rasuah dan salah guna kuasa merupakan perbuatan yang sangat keji dan jijik, kini perbuatan rasuah dan salah guna kuasa, dilaporkan semakin berlaku dan merebak. Keadaan rasuah di negara ini semakin membimbangkan. Malah rasuah kelihatan dilakukan secara lebih berani dan terang terangan melalui sindiket dan perancangan yang tersusun. Perasuh kini licik untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang. Hal ini dilakukan melalui kelompongan dan kelemahan sistem kawalan sedia ada, serta kerana kurang ketegasan begitu juga keberanian, serta tanggapan, berlakunya pilih kasih ketika menguatkuasakan undang-undang untuk mencegah rasuah dan mendakwa



serta menghukum mereka yang melakukan rasuah. Akibatnya, perbuatan rasuah dan salah guna kuasa terlepas daripada hukuman duniawi walaupun pada hakikatnya perbuatan-perbuatan tersebut jelas berdosa dan keji di sisi syarak. Pendek kata, rasuah kini berlaku, bukan sekadar wujud pemberi dan penerima, tetapi lebih jauh daripada itu, dilakukan melalui sistem yang boleh dimanipulasikan hingga ke peringkat mempersendakan undang-undang dan badan-badan penguat kuasa. Hari ini, kegiatan seperti tuntutan palsu, duit kopi, *angpow*, upah, sagu hati, komisen, *kawtim* bukan lagi rahsia, tetapi amat membimbangkan, telah menjadi sebahagian budaya berurusan dan berurusniaga di negara ini.

Sedarlah, jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, bererti Malaysia sedang menuju ke zaman gelap. Negara terpaksa menanggung kerugian berbilion-bilion ringgit, disamping menggugat keyakinan pelabur dan menjelaskan pertumbuhan ekonomi yang turut menjelaskan kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat, dan pada akhirnya akan turut menjejas keselamatan negara apabila rakyat sudah bosan dan hilang keyakinan.

Saidina Abu Sufyan RA menceritakan pengalaman beliau sebelum memeluk Islam. Sewaktu berada di Syam, Raja Rom, Raja Heraklius, telah memanggil rombongan dari Mekah dan bertanya siapa dalam kalangan mereka yang mempunyai pertalian darah dengan Nabi Muhammad SAW; lalu Abu Sufyan RA mengaku mempunyai pertalian tersebut lantas beliau ditanya mengenai diri Nabi Muhammad SAW dan dijawab dengan jujur oleh Abu Sufyan. Mengenangi peristiwa tersebut, Abu Sufyan RA berkata, jika tidak disebabkan rasa malu, barangkali aku telah bercakap bohong ketika itu. Oleh itu, mimbar menggesa seluruh masyarakat agar mendidik dan menerapkan sifat malu kepada ahli-ahli keluarga. Contoh pekerti masyarakat Islam yang sejati yang dididik, dipupuk dan disemai dengan nilai pekerti yang tinggi agar bersikap jujur, bersih, ikhlas, dan amanah, dengan kesedaran bahawa setiap perkataan dan perbuatan akan dicatat oleh dua Malaikat, Raqib dan ‘Atid yang ditugaskan untuk melaporkan segala perbuatan kita ketika berada di dunia; dan catatan tersebut akan menjadi rekod yang akan dibentangkan di hadapan Allah Azzawajalla pada hari kebangkitan dan pengadilan di Padang Mahsyar; ketika itu tidak ada sesiapa yang boleh berperanan sebagai peguam bela yang boleh bermain kata-kata memanipulasikan antara kebenaran dan kepalsuan.



## Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Mimbar memperingatkan akibat hilangnya perasaan malu. Nabi SAW menyifatkan seseorang yang hilang perasaan malu akan berbuat apa sahaja yang dia mahukan dan sudah pasti hal demikian amatlah dikeji di sisi Allah SWT.

Sabda Nabi SAW :

**إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَىٰ : إِذَا لَمْ تَسْتَحِ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ**

Bermaksud: Sesungguhnya perkara yang diperoleh (dipelajari) oleh manusia sejak daripada seruan awal para rasul; “Jika kamu tidak merasa malu, buatlah apa yang kamu mahu!”

Mimbar menyeru Muslimin kepada peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Jadilah seorang pekerja yang ikhlas, bersih, jujur dan amanah. Jadikanlah sifat malu sebagai perisai dalam apa juga tindakan. Hiasilah sikap malu semasa kita bekerja agar sumber rezeki untuk nafkah ahli keluarga halal dan berkat.

**Kedua:** Nabi SAW menyifatkan sifat malu merupakan punca segala kebaikan. Justeru dapatlah difahami bahawa penghayatan sifat malu ialah salah satu dari ciri-ciri kemajuan ummah dan resipi kemajuan sesebuah negara.

**Ketiga:** Dengan hilangnya sifat malu, penghayatan kepada kedaulatan undang-undang dan moral semakin diabaikan. Hal ini dapat dilihat melalui sikap segelintir anggota masyarakat yang bukan sahaja tidak mengendahkan peraturan dan udang-undang yang digubal untuk melindungi kebaikan ummah dan watan, malah bersedia mempersendakannya.

**Keempat:** Sifat malu ialah ciri istimewa kurniaan Allah SWT ke atas manusia dan sifat ini juga yang membezakan antara manusia dan haiwan. Justeru, penghayatan perasaan malu merupakan suatu fitrah mulia yang wajib dimiliki oleh setiap manusia.

**بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.**



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُوَافِي بِعَمَّهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

قَالَ اللَّهُ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمَيْنَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمِ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثِئْتُمُ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ أَكْفِنَا بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَأَغْنِنَا  
بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, jadikanlah sifat malu sebagai perisai diri kami agar dengan sifat malu menjadi benteng untuk kami terhindar daripada melakukan kemungkaran baik secara ketara ataupun secara tersembunyi.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.